

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	09/08/2017B

Panel siasatan **tolak bantahan**

Sinar Harian - 9/8/2017 B.3
FOTO: AERIL ASWANDE SHARIF

SITI AZELAH WAHI

PUTRAJAYA - Panel Suruhanjaya Siasatan bagi menyalut kes kerugian akbat urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia semalam, menolak permohonan peguam Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang membantah keanggotaan panel berkenaan.

Bantahan awal itu dikemukakan oleh peguam pemerhati Mahathir, Mohamed Haniff Khatri Abdulla dan R Sivarasa bagi pihak Anwar.

Skandal kerugian urus niaga mata wang asing itu dikatakan berlaku ketika tempoh Mahathir memegang jawatan perdana menteri, manakala Anwar sebagai Menteri Kewangan antara 1993 dan 1998.

Ketika menolak bantahan berkenaan, Pengerusi Petrolia Nasional Berhad, Tan Sri Mohd Sidek Hassan yang mempengerusikan suruhanjaya itu berkata, keanggotaan mereka adalah berdasarkan lantikan oleh



Mohamed Haniff (tengah) bercakap kepada media mengenai kes siasatan kerugian Bank Negara Malaysia pada 1990. Turut serta, Sivarasa (kiri).

Yang di-Pertuan Agong.

"Suruhanjaya ini dibentuk oleh Agong dan kami akan meneruskan berdasarkan terma-terma rujukan yang disediakan," katanya.

Bagaimanapun katanya, peguam bagi pihak terlibat boleh hadir semasa prosiding itu, namun sebarang soalan yang dibangkitkan mestilah relevan dengan terma rujukan suruhanjaya.

Mohd Sidek berkata, pe-

nubuhan suruhanjaya berkenaan diperkenan oleh Agong pada 15 Julai 2017 berdasarkan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119].

Turut sama menganggotai suruhanjaya itu Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Kamaludin Md Said; Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Berhad, Datuk Tajuddin Atan; Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan,

Datuk Dr Yusof Ismail; Pengerusi Bersama Pasukan Tugas Khas Pemudahcara Perniagaan, Tan Sri Saw Choo Boon; dan Ahli Institut Akauntan Malaysia dan Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia SAK Pushpanathan.

Sementara itu, pada prosiding kali pertama yang bermula kira-kira jam 9.40 pagi itu, Mohamed Haniff dan Sivarasa berkata, keanggotaan

Mohd Sidek dan Choo Boon perlu dibatalkan kerana kedua-duanya pernah menjadi pasukan petugas khas yang mengesyorkan penubuhan suruhanjaya berkenaan.

Jelas Mohamed Haniff, kedua-dua anggota suruhanjaya berkenaan membangkitkan bahawa terdapat kes prima facie dalam kerugian pertukaran asing ditanggung oleh bank pusat pada 1980-an dan 1990-an.

Sehubungan itu, mereka berpendapat bahawa keanggotaan Mohd Sidek dan Choo Boon tidak sah di sisi undang-undang.

Kedua-dua peguam itu juga memohon untuk mengambil bahagian secara aktif dalam prosiding.

Bagaimanapun pegawai pengendali suruhanjaya siasatan berkenaan,

Datuk Suhaimi Ibrahim membantah dua isu yang dibangkitkan itu dan menyifatkan bahawa bantahan tersebut tidak berasas.

Tegasnya, suruhanjaya tersebut dibentuk semata-mata untuk menyalut kerugian kewangan yang mencari fakta, bukan untuk mana-mana pihak berbalas hujah.

"Dakwaannya melanggar prinsip keadilan tidak timbul sebaliknya siasatan perlu diteruskan," katanya.

Suhaimi berkata, sebarang soalan yang perlu disampaikan kepada saksi mestilah melalui penerusi.

Sementara itu, Mohd Sidek menetapkan 10 hari, bermula 21 Ogos ini untuk prosiding siasatan berlangsung.

